

Kuala Lumpur

# Trauma emosi ganggu keluarga

Insiden tertukar bayi ketika dilahirkan 20 tahun lalu, dipercayai berlaku akibat kecuaiannya kakitangan sebuah hospital di Kota Bharu, Kelantan, boleh meninggalkan kesan trauma emosi serta mengganggu tingkah laku, bukan sahaja kepada ketiga-tiga mangsa tetapi juga kedua-dua keluarga terbabit.

Pegawai Psikologi Kanan, Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, kesemua pihak yang terbabit, pastinya memerlukan masa yang lama untuk menerima hakikat kejadian itu.

"Jika tiga mangsa berkenaan dan keluarga mereka reda dan positif dengan apa yang berlaku, kesan trauma akan dapat dihadapi dengan lebih cepat.

"Bagaimanapun, saya

menasihati mereka supaya mendapatkan khidmat kaunseling yang bertauliah supaya dapat menyantuni emosi mereka secara praktikal," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan Bernama sebelum ini mengenai dua keluarga terpaksa mengharungi kisah tragis apabila tiga bayi perempuan termasuk sepasang kembar tertukar ketika dilahirkan.

Kejadian itu disedari selepas ketiga-tiga mangsa, Adryani Iwani, 'kembarnya'

Adryana Irwani dan kembar sebenarnya Noratirah Husin, masing-masing 20 tahun, menjalani ujian asid deoksiribonukleik (DNA) pada September tahun lalu.

Mengulas lanjut mengenai kejadian itu, Siti Fatimah berkata, paling penting dalam situasi sekarang, keluarga terbabit perlu memastikan orientasi kefung-sian diri mangsa terbabit seperti makan, minum dan komunikasi berjalan seperti biasa.

Menurutnya, pada masa yang sama mangsa mahupun ahli keluarganya perlu mengelakkan memban-

dingkan diri antara satu sama lain, mengkritik atau mempertikaikan perkara yang sudah tersurat sejak azali itu.

"Yang terjadi adalah sesuatu ujian daripada Allah, ada sebab ia berlaku sama ada untuk kita teladani atau mengelak. Ia juga mungkin satu pengajaran besar kepada pihak yang terbabit, dalam soal kepekaan mahupun integriti," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan (Bimbingan dan Kaunseling) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Syed Mohamad

Syed Abdullah percaya kedua-dua keluarga terbabit masih bergelut dengan perasaan terkejut, sedih dan keliru untuk menerima kejadian itu.

"Ini petanda-petanda normal (yang boleh dijangka) bagi mereka yang menghadapi sesuatu ujian. Mereka akan rasa marah, sedih dan akan ada sedikit ke-maafan, sehinggalah pada satu peringkat nanti mereka boleh berada pada tahap penerimaan sepenuhnya.

"Sehubungan itu, dalam hal ini sokongan moral yang kuat daripada pihak yang ada di sekeliling amat perlu

untuk membantu mereka terus cekal menghadapi tempoh getir itu," katanya.

Syed Mohamad turut menasihati mangsa yang terbabit supaya menguruskan perasaan terpendam dengan cara baik termasuk meluakannya kepada adik-beradik, yang boleh menjadi pendengar yang baik.

Pada masa yang sama juga, katanya Adryani Iwani, Adryana Irwani, dan kembar Noratirah perlu menjauhi sifat berteka-teki dengan pemikiran sendiri kerana ia boleh menjejaskan kesihatan diri.

"Sesetengah orang yang tidak dapat menerima hakikat, akan berterusan menangis dan murung, ada sesetengah orang pula yang terkejut dengan apa yang berlaku tetapi jauh di sudut hati mereka dapat menerima keadaan ini kerana ada kekuatan *resilience* atau daya tahan dalam diri mereka," katanya.



NORATIRAH (tengah), Adryana Irwani (kiri) dan Adryani Iwani ketika ditemui di rumah mereka, kelmarin.